

DATE: 25/9/2009

Gaji lebih tinggi mampu tingkatkan produktiviti: Dr M

BH - 25/9/2009

Majikan wajar beri bonus jika syarikat peroleh keuntungan lebih

Oleh Wan Jailani Razak
wanjai@bharian.com.my

EKONOMI negara mampu berkembang dengan lebih pesat jika gaji pekerja dapat ditingkatkan supaya mereka dapat meningkatkan produktiviti masing-masing, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kita lihat pendapatan pekerja amat rendah walaupun pengurus GLC (syarikat berkaitan kerajaan) mendapat gaji besar.

"Dengan itu negara kita tidak dapat membangun dengan pesat. Kita ingin lihat pekerja kita dapat ganjaran yang tinggi supaya dengan itu mereka akan dapat menyumbang," katanya ketika melawat limbungan kapal NGV Tech Sdn Bhd di Teluk Panglima Garang, Banting, Selangor, semalam.

Beliau berkata, produktiviti pekerja perlu dinaikkan kerana apabila syarikat memperoleh keuntungan yang lebih, majikan sudah pasti akan membalas budi pekerja dengan menambahkan pendapatan mereka.

Dr Mahathir seterusnya menuntut supaya pekerja setia kepada syarikat seperti kesetiaan yang ditunjukkan pekerja di Jepun yang secara tidak langsung menyumbang kepada kemajuan negara itu.



DR MAHATHIR (tengah) melawat Jeti 3, tapak pembinaan kapal pada Majlis Penyampaian Amanat Kearah Kecemerlangan Kerja kepada warga NGV Tech Sdn Bhd di Banting, semalam.

Katanya, banyak pengimport dari Malaysia kini dipancing oleh syarikat dari Asia Barat yang menawarkan gaji tiga hingga empat kali ganda lebih tinggi berbanding gaji mereka sekarang.

Beliau berkata, Malaysia tidak lagi boleh bersaing pada peringkat antarabangsa dengan kos buruh yang murah kerana ada antara negara tertentu mempunyai

“Kita lihat pendapatan pekerja amat rendah walaupun pengurus GLC mendapat gaji besar”

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

kos buruh yang rendah tetapi pada masa sama memiliki produktiviti lebih tinggi.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, NGV Tech wajar mendapat sokongan kerajaan ke arah memajukan industri perkapalan negara berdasarkan keupayaan syarikat itu memenuhi 90 peratus pesanan yang diterima dari negara luar.

Mengakui pada mulanya

sukar percaya dengan kemampuan syarikat itu, lawatannya ke limbungan NGV Tech semalam memadam keraguan beliau, malah kagum dengan kejayaan yang dicapai orang Melayu.

Beliau yakin NGV Tech mampu membina bot pelbagai jenis yang ditempah bukan saja daripada negara Asia Barat, bahkan dari Eropah untuk kegunaan di pelantar minyak dan rondaan pantai.

"Tidak menghairankan NGV Tech yang menerima 90 peratus tempahan bot daripada pelanggan luar negara dan 10 peratus daripada tempahan tempatan, mampu membina kapal yang lebih besar satu hari nanti," katanya.

Dr Mahathir turut melahirkan kehairanan kerana banyak syarikat tempatan termasuk tidak menempah kapal daripada NGV Tech, sedangkan ia banyak menerima pesanan daripada negara seperti Arab Saudi, Yaman dan negara di Eropah.

"Namun Alhamdulillah, dalam kes ini, syarikat ini berjaya mendapat pesanan dari luar negara. Kalau tak dapat, saya ingat, nak harap daripada tempatan, tutup sahaja. Ada sikit kontrak, be-rebut orang hendak," katanya.

Hadir sama, Pengerusi NGV Tech, Zulkifli Shariff.